



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

30 Syaaban 1441 / 24 April 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Jumaat, 30 Syaaban 1441H bersamaan 24 April 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 138 orang.**
2. Sementara itu, **satu kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 120 orang.** Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada **17 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada hari ini juga, seramai **134 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah sebanyak **2,430 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 340 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 12,770 ujian.
5. Mengenai dengan kes yang telah sembuh tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa **tidak ada kes** telah disahkan positif semula, manakala **4 kes telah dibenarkan untuk pulang**. Ini membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini seramai 21 orang di mana **10 orang masih** menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.
6. Seterusnya, sempena kedatangan bulan Ramadhan yang mulia ini, disamping terus mengambil langkah berjaga-jaga terhadap wabak COVID-19, Kementerian Kesihatan juga ingin mengambil kesempatan untuk membuat beberapa saranan serta nasihat kesihatan yang boleh di lakukan sepanjang bulan Ramadhan ini bagi menjaga dan

menguatkan daya tahan kesihatan tubuh badan. Dalam pengambilan makanan, marilah kita bersama mengamalkan pemakanan yang sihat iaitu seimbang dan bersederhana. Hadkan makanan berminyak atau berlemak, kurangkan garam serta gula dalam masakan dan minuman. Tingkatkan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran serta pastikan kita meminum air yang mencukupi iaitu sekurang-kurangnya 8 ke 12 gelas air setiap hari yang boleh diambil semasa dan selepas berbuka, selepas solat terawih, sebelum tidur dan semasa sahur.

7. Disamping itu, aktiviti fizikal ringan dan sederhana masih dapat dilakukan di bulan Ramadhan. Aktiviti fizikal seperti berjalan kaki, berbasikal, berkebun ataupun senaman ringan bolehlah dilakukan di awal pagi, sebelum berbuka puasa atau selepas solat tarawih selama sejumlah 30 minit sehari. Bagi mereka yang masih merokok, rebutlah peluang keemasan dibulan Ramadhan ini untuk berhenti merokok sepenuhnya demi kesihatan diri dan keluarga tersayang. Akhirnya, Kementerian Kesihatan ingin mengucapkan selamat menyambut awal bulan Ramadhan dan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua umat Islam khususnya yang berada di Negara Brunei Darussalam. Dari itu, marilah kita mengambil kesempatan dibulan Ramadhan ini untuk merapatkan hubungan kekeluargaan dengan bertarawih dan beribadat di rumah masing-masing serta berdoa

semoga Negara Brunei Darussalam akan senantiasa dirahmati Allah Subhanahu Wa Ta'ala, diberikan jalan petunjuk dan seterusnya bebas dari wabak COVID-19 ini. Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamiin.

8. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 30 Syaaban 1441H / 24 April 2020